

Harga makanan catat aduan tertinggi

Orang ramai makan di restoran, warung bayar pada kos lebih tinggi

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Sungai Besar: Kenaikan harga makanan di warung dan restoran merekodkan jumlah aduan tertinggi diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata aduan berhubung perkara itu paling banyak diterima berbanding aduan membabitkan isu kepenggunaan yang lain mahupun kenaikan harga barang mentah termasuk ikan.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan jumlah aduan diterima kementeriannya.

"Setakat ini, tiada aduan ketara berkaitan kekurangan bekalan makanan, namun lebih berkisar kepada harga makanan siap di-

masak. Dari dari segi jumlah aduan diterima, ia menunjukkan rakyat kita yang makan di luar terpaksa membayar dengan harga tinggi.

"(Kenaikan) Harga barang mentah pula sekadar mengikut musim yang mana jika bekalan banyak, harga ada rendah dan sebaliknya," katanya kepada pemerita selepas melakukan lawatan kerja ke Jeti 3000 Sungai Besar, di sini semalam.

Mengulas kemungkinan berlaku kenaikan harga ikan sepanjang musim tengkujuh, Saifuddin Nasution berkata, setakat ini tiada aduan ketara diterima pihak kementerian berhubung perkara berkenaan.

"Isu harga ini adalah aspek hakiki kementerian dan kita bertindak menggunakan dua cara iaitu melalui operasi pemantauan dan penguatkuasaan secara berklaka," katanya.

Beliau menjelaskan harga pa-



Saifuddin mengadakan lawatan kerja ke Jeti Pendaratan Ikan Sungai Besar, semalam.

(Foto BERNAMA)

saran ikan bergantung pada jarak bekalan diantar, selain jenis ikan yang ditangkap.

Katanya, kefahaman terhadap sistem bekalan membantu orang ramai mengetahui harga akhir yang perlu dibayar.

Contohnya di Sungai Besar, tangkapan 'mewah' atau hasil terbanyak ialah ikan tongkol yang dijual antara RM6 hingga RM7 sekilogram.

"Harga runcitnya pula antara RM9 hingga RM10 bergantung kepada saiz ikan, kos pengangkutan dan beberapa faktor lain yang berkaitan," katanya.

Justeru, beliau berkata menerusi program 'turun padang' itu, pihaknya dapat lebih memahami rantai sistem bekalan ikan bagi membantu KPDNHEP mengetahui harga akhir untuk pengguna.

Contoh set hidangan

SARAPAN



Nasi lemak + teh tarik
= RM 4.50



Roti canai + teh tarik
= RM 2.70



Kuih + teh tarik
= RM RM 2.70

MAKAN TENGAH HARI



Nasi putih + ayam
+ kari = RM 6



Nasi putih + ayam
+ sayur = RM 6.50



Nasi putih + daging
+ sayur = RM 7

Grafik BH